

**Royalti Minyak: Wanita Umno KK Sokong Hasrat Kerajaan Negeri  
Bernama  
August 3, 2014**

KOTA KINABALU, 3 Ogos (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno Kota Kinabalu menyokong penuh apa juga hasrat kepimpinan kerajaan negeri untuk mendapat bahagian atau imbuhan yang lebih baik daripada royalti petroleum berbanding yang diperoleh sekarang.

Bagaimanapun pergerakan wanita itu mahu supaya penyelesaian tuntutan berkenaan dilakukan secara baik melalui perbincangan menyeluruh dan tidak perlu terburu-buru serta beremosi.

"Bukan bentuk (jumlah) royalti diutamakan, asalkan ada peruntukan atau dana masuk ke dalam akaun kerajaan negeri. Elakkan daripada terpengaruh dengan suara parti pembangkang yang kita lihat hanya mahu menangguk di air keruh serta mempunyai maksud dan niat supaya rakyat membenci pimpinan kerajaan pusat.

"Mereka ini tidak pun mengambil kira kepentingan rakyat Sabah itu sendiri," menurut usul berkenaan.

Usul yang diluluskan sebulat suara itu dibentangkan Ketua Wanita Umno Cawangan Kg Baru, Bukit Padang, Ruani Junin pada Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Wanita Umno Kota Kinabalu yang dirasmikan Ketua Umno Bahagian Kota Kinabalu Datuk Faisyal Yusof Hamdain Diego.

Difahamkan Wanita Umno Kota Kinabalu merupakan bahagian pertama mengadakan mesyuarat bahagian di seluruh negara.

Menurut usul itu, Wanita Umno Kota Kinabalu menyedari bahawa kerajaan pusat telah banyak membantu Sabah terutama dalam aspek penyediaan peruntukan bagi melaksanakan program pembangunan serta kesejahteraan rakyat.

Namun ia tidak disedari rakyat kerana ia datang atas nama perbelanjaan pembangunan dan bukan atas nama royalti secara langsung.

Justeru, Wanita Umno Kota Kinabalu mengambil sikap berhati-hati dan menghalusi segala perkara sebelum membawa sebarang isu kepada kerajaan pusat bagi mengelak sebarang kerugian bak baha kata pepatah 'yang dikejar tidak dapat, yang dikendong berciciran'.

"Hubungan baik dengan kerajaan pusat sebelum ini telah menyebabkan Sabah menerima banyak bantuan dan peruntukan. Oleh sebab itu, kita pasti Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak juga sentiasa prihatin dengan suara rakyat Sabah dalam isu royalti minyak," menurut usul berkenaan.

Pada mesyuarat itu, Wanita Umno juga mengusulkan supaya Wanita Umno diberi satu kuota khas untuk jawatan Naib Presiden Umno Malaysia dan jawatan Naib Ketua Umno Bahagian bagi mengarusperdanakan penglibatan dan peranan wanita dalam parti.

Pergerakan itu berpendapat usul itu sesuai dengan hasrat Wanita Umno untuk membangunkan wanita bagi mencapai 30 peratus wanita dalam bidang pembangunan dan pembuat dasar serta keanggotaan Wanita Umno yang berjumlah 1.3 juta orang selain pengiktirafan Wanita Umno sebagai tulang belakang parti.

Sementara itu, Ketua Wanita Umno Kota Kinabalu, Rosimah Zakaria dalam ucapannya meminta supaya bilangan senator dalam kalangan Wanita Umno di Sabah ditambah daripada satu kepada dua selain meminta pertambahan calon wanita dalam pilihan raya umum sama ada di peringkat Dewan Undangan Negeri atau Parlimen.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1057578>